

SK Pekan Satu tuan rumah Pertandingan Story Peringkat Kebangsaan di Sekolah Rendah Wilayah Persekutuan Labuan



Labuan, 24 Julai 2018- SK PEKAN SATU diberi mandat untuk menjadi tuan rumah untuk Pertandingan ‘Storytelling’ Peringkat Kebangsaan Wilayah Persekutuan Labuan 2018. Pertandingan Storytelling ini melibatkan seluruh sekolah rendah dan menimbulkan persaingan yang sengit diantara peserta dengan bakat serta keyakinan mereka diatas pentas. Turut hadir, En Hasbolah bin Amit , Ketua Sektor Pembangunan Kemanusian serta, Encik Subari Dwar, Ketua Unit Ko-Kurikulum.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua guru SK Pekan Satu yang komited dalam menjayakan Pertandingan Bercerita Peringkat Negeri kali ini. Nampaknya kita mampu melahirkan lebih ramai murid yang berkebolehan dan berkeyakinan tinggi jika diberikan bimbingan serta galakan dari guru-guru dan pertandingan seperti begini". kata Encik Subari Dwar.

Tempat pertama dimenangi kepada adik Ramona Roslan Daily dari Sekolah Kebangsaan St Anne manakala tempat kedua, adik Nur Izzian binti Mohd Idzan dari Sekolah Kebangsaan Pantai dan yang ketiga, adik Natallie Chin Ming Hui dari SJKC Chung Hwa. Selain itu, pertandingan Storytelling juga mengadakan kostum terbaik dikalangan peserta yang terlibat . Pemenang pertama diberi kepada SJKC Chung Hwa .Tempat kedua, SK Sg Bedaun dan tempat ketiga Sekolah Kebangsaan Patau-Patau .

